



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 NOVEMBER 2021 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

KPDNHEP pertahan caj plastik 20 sen

PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan, caj 20 sen bagi setiap beg plastik kepada pengunjung pasar raya yang tidak membawa bungkus sendiri adalah wajar dan perlu diteruskan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagaimanapun pihaknya sedia mengadakan pertemuan dengan pihak lain termasuk Kementerian Alam Sekitar dan Air bagi menambah baik pelaksanaan tersebut ke arah matlamat penjagaan alam sekitar.

Apa yang penting katanya, caj tersebut dapat dijadikan sebagai salah satu cara mendidik masyarakat ke arah mengurangkan penggunaan bahan yang

mencemar alam sekitar.

"Namun begitu, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan agar ia benar-benar bersan pada masa akan datang dan tidak lagi menimbulkan banyak tanda tanya termasuk duit yang disalurkan hasil kutipan caj tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Akhbar ini melaporkan tentang Kempen Tiada Beg Plastik gagal apabila masih ramai yang tidak membawa beg sendiri ketika mengunjungi pasar raya dan premis jualan lain malah sanggup membayar caj 20 bagi setiap beg plastik yang diminta.

Kempen tiada penggunaan beg plastik telah bermula sejak lebih 10 tahun lalu dengan melibatkan beberapa negeri sebelum diperluaskan ke seluruh negara



ALEXANDER NANTA LINGGI

oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Pada Disember tahun lalu, Mesyuarat Majlis Negara bagi

Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-76 turut bersetuju meluluskan penguatkuasaan Kempen Tiada Beg Plastik di semua premis perniagaan di seluruh negara selepas mendapat sokongan semua negeri.

Keputusan tersebut juga ber-setuju peniaga mengenakan caj minimum 20 sen bagi setiap beg plastik yang diberikan kepada pelanggan di kaunter pembayaran.

Pelaksanaan program itu dilaksanakan dalam dua fasa iaitu Fasa 1, mulai Disember 2020 hingga 2021 dengan pelaksanaan tertumpu kepada premis kekal iaitu pasar raya besar, pasar raya serbaneka, restoran makanan segera, kedai serbaneka stesen minyak, kedai rangkaian dan farmasi.



Peniaga perlu didekati keperluan pengoperasian perniagaan berkoncepcian digital khasnya menerusi penggunaan e-wallet dalam pelbagai transaksi.

ReDI bantu peniaga hadapi operasi niaga digital

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil inisiatif melaksanakan Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative atau ReDI) yang memfokuskan kawasan luar bandar.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, ia bertujuan meningkatkan pendedahan kepada peniaga berhubung keperluan pengoperasian perniagaan berkoncepcian digital terutama melalui kemudahan e-wallet dalam pelbagai transaksi.

Menurutnya, peralihan perniagaan secara digital bagi peniaga di kawasan luar bandar wajar diberi perhatian se-

penuhnya supaya mereka tidak ketinggalan dalam mengembangkan perniagaan melalui teknologi terkini.

"Inisiatif ini selaras hasrat kerajaan menggalakkan digitalisasi menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan pada 19 Februari lalu iaitu mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna sebagai rakyat tanpa tunai termasuk Pemacu Perubahan Ketiga (Pendigitalan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12).

"Bagi memastikan pelaksanaan ReDI tercapai, kementerian menjalin kerjasama erat dengan pelbagai

agensi kerajaan termasuklah penyedia e-wallet menerusi program advokasi dan *onboarding* pendaftaran e-wallet.

"Kesemua pihak berganding bahu dengan matlamat yang sama iaitu berkongsi sebanyak yang mungkin input kemudahan e-wallet kepada peniaga luar bandar seterusnya membuat pendaftaran," katanya di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong)** yang ingin tahu mengenai prospek inisiatif pendigitalan sektor peruncitan di kawasan luar bandar.

KPDNHEP keluarkan 57 notis kesan peniaga mencatut harga barang

Harga barang naik di Perak bulan ini

Oleh ZAKI SALLEH

IPOH – Sebanyak 57 notis pengerahan maklumat barang dan 136 surat pemberitahuan semakan harga barang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatut (AKHAP) 2011 dikeluarkan kepada peniaga di negeri itu kerana disyaki mencatut harga barang.

Tindakan penguatkuasaan itu dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Perak sepanjang bulan ini sehingga Sabtu lalu.

Pengarah KPDNHEP negeri Perak, Saifullizam Kamarul Zaman berkata, hasil pemantauan pihaknya mendapati berlaku kenaikan harga pada barang pengguna sejak beberapa minggu lalu.

Menurut beliau, kenaikan harga dikesan pada sayur-sayuran antaranya kubis bunga, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau serta ayam dan telur.

"Seramai 176 penguat kuasa KPDNHEP negeri Perak dan 79 pegawai pemantau harga telah



PENGUATKUASA KPDNHEP negeri Perak melakukan pemeriksaan harga barang di sebuah premis di Manjung baru-baru ini.

ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan dan pemantauan harian di setiap rantaian pengedaran melibatkan pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh negeri Perak.

"Dapatkan awal mendapat ke-nalakan harga barang keperluan tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti peningkatan kos pengeluaran, keadaan cuaca semasa yang tidak menentu dan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran," ujarnya dalam kenyataan semalam.

Tambah Saifullizam, tindakan boleh dikenakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantaian bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah di bawah AKHAP 2011.

Peniaga terbabit boleh didakwa dibawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011 dengan hukuman denda sehingga RM500,000 bagi syarikat dan RM100,000 bagi individu, penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Semak harga barang di aplikasi Price Catcher bagi elak manipulasi harga peniaga," ujarnya.

Perak keluar 57 notis kenaikan harga

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mengeluarkan 57 notis dan 136 surat pemberitahuan kepada peniaga di negeri ini-susulan kenaikan harga barangan seperti sayuran, ayam dan telur se-takat kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Perak Saifullizan Kamarul Zaman berkata, notis pengesanan maklumat barangan dan surat pemberitahuan semakan harga berkenaan dikeluarkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

Menurutnya, seramai 176 anggota penguat kuasa dan

79 pegawai pemantau harga ditugaskan bagi melakukan pemeriksaan serta pemantauan harian di setiap rantauan pengedaran membabitkan pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh Perak.

"Pemeriksaan di beberapa lokasi di sekitar negeri ini mendapati barangan keperluan pengguna seperti kubis bunga, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau serta ayam, telur menunjukkan peningkatan harga di pasaran sejak - be-

berapa minggu lalu.

"Sehingga semalam (kelmarin), kita mengeluarkan sebanyak 57 notis pengesanan maklumat barangan dan 136 surat pemberitahuan semakan harga barangan di bawah AKHAP 2011 kepada peniaga barang keperluan yang disyaki terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut)," katanya.

Menurutnya, pihaknya mendapati kenaikan harga barangan keperluan berkenaan

dipengaruhi oleh faktor seperti peningkatan kos pengeluaran, keadaan cuaca semasa yang tidak menentu dan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran.

"Peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan mencatut boleh dike-nakan tindakan tegas menurut Seksyen 14(1) AKHAP 2011," katanya.

Beliau berkata, rakyat di negeri itu disarankan menggunakan aplikasi *Price Catcher* yang dibangunkan oleh kementerian secara percuma bagi memberi pilihan kepada pengguna ketika berbelanja.

Rakyat disaran
guna aplikasi Price
Catcher untuk buat
perbandingan harga

HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 12

OP SAYUR

5 notis tunjuk sebab naikkan harga produk

Melaka: Lima notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kepada peniaga didapati menaikkan harga sayur di negeri ini.

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, lima notis dibawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) itu dikeluarkan hasil daripada operasi Op Sayur yang dijalankan pasukan penguat kuasa bersama pegawai pemantau.

Beliau berkata, notis dikeluarkan agar siasatan lanjut dapat dijalankan untuk mengesan jika wujud elemen pencatutan.

"Semua notis ini dikeluarkan KPDNHEP sejak Sabtu sehingga hari ini (semalam) di sekitar daerah Melaka Tengah. Menerusi operasi dijalankan kita dapat berlaku kenaikan harga antara enam hingga 66 peratus.

"Ada antara mereka mem-

beri alasan mendapat bekalan pihak ketiga atau keempat menyebabkan barang jualan dijual dengan harga tinggi.

"Kali ini, kita tidak berkompromi dan dalam masa lima hari mereka perlu berimbal balas serta sebab jika gagal tindakan akan diambil," katanya.

Menurutnya, bagi mengelakkan kenaikan harga selain mengelak daripada pihak cuba mengambil kesempatan, KPDNHEP menggerakkan 70 anggota penguat kuasa bagi menjalankan pemeriksaan di seluruh negeri.

"Menerusi Op Sayur ini 70 anggota penguat kuasa di gerakkan dan setiap hari pemeriksaan mereka keluar bermula jam 4 pagi sehingga 10 malam.

"Operasi bukan hanya tertumpu di pasar awam atau borong malah pasar raya, kedai runcit dan kedai di kampung juga diperiksa," katanya.

KPDNHEP akui harga sayur, ayam naik

Orang ramai disaran guna aplikasi Price Catcher untuk buat perbandingan harga

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mengakui barang keperluan seperti sayur-sayuran mengalami peningkatan harga sejak beberapa minggu lalu.

Pengaruhnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, seramai 176 penguat kuasa KPDNHEP

Perak dan 79 Pegawai Pemantau Harga ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan serta pemantauan harian di setiap rantaian pengedaran melibatkan pengeluar, pemborong dan peruncit di seluruh negeri.

Menurutnya, hasil pemeriksaan oleh KPDNHEP mendapati antara sayur-sayuran yang naik harga seperti kubis bunga, sawi, brokoli, kacang buncis, kubis, cili merah dan cili hijau selain keperluan lain seperti ayam serta telur.

"Dapatkan awal mendapati kenaikan harga barang keperluan tersebut dipengaruhi oleh faktorfaktor seperti peningkatan kos pengeluaran, keadaan cuaca semasa yang tidak menentu dan ketidakseimbangan penawaran dan permintaan dalam pasaran.

"Bagi memberi pilihan kepada pengguna ketika berbelanja,



FOTO: KPDNHEP

Pegawai penguat kuasa KPDNHEP menjalankan pemantauan dan pemeriksaan harga barang keperluan di sebuah pasar raya di daerah Manjung.

rakyat di Perak disarankan supaya menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangun kementerian secara percuma," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, aplikasi tersebut dapat memberi pilihan yang lebih meluas kepada pengguna untuk

membeli barang keperluan kerana meliputi perkongsian harga lebih 400 barang keperluan di seluruh negara.

Dalam pada itu, Saifullizan berkata, KPDNHEP Perak telah mengeluarkan sebanyak 57 Notis Pengesahan Maklumat Barang

dan 136 Surat Pemberitahuan Semakan Harga Barang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kepada peniaga barang keperluan yang disyaki mencatut sehingga 28 November.

Menurutnya, KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan tidak munasabah atau mencatut di bawah AKHAP 2011.

Beliau berkata, peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan mencatut boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan denda sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Harga dua ekor sotong goreng RM100 didakwa 'berpatutan'

Peniaga restoran diarah beri maklumat tambahan

Oleh SAFINA RAMLI
utusan@mediamulia.com.my

GEORGETOWN: Pengusaha Restoran Hameediyah dikehendaki mengemukakan beberapa lagi maklumat tambahan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP), Pulau Pinang susulan tular dua sotong goreng dijual dengan harga RM100 di restoran berkenaan.

Pengarah PPDNHEP Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, sebelum ini pengusaha restoran itu telah mengemukakan maklumat balas Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) kepada pihaknya bagi membolehkan siasatan dijalankan.

"Mereka telah kemukakan maklum balas, kita telah semak dan meminta beberapa maklumat tambahan.

"Kita memerlukan maklumat tambahan ini bagi melengkapkan perkiraan sama ada berlaku pencatutan atau tidak," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, Restoran Hameediyah di Lebuh Campbell di sini yang merupakan antara



SOTONG goreng yang tular selepas dijual dengan harga RM100.

restoran nasi kandar popular di negeri ini menjadi topik panas selepas resit hidangan dua ekor

sotong berharga RM100 tular di media sosial.

Salinan resit berkenaan

yang menunjukkan harga bagi dua ekor sotong goreng berharga RM100, manakala sepinggan nasi beriani kosong berharga RM4.50, nasi putih (RM1.50), dua biji telur masin (RM2), papadom (RM3) dan timun (RM2) menjadi perdebatan warga maya yang menganggap harga berkenaan amat melampau.

Bagaimanapun, pengusaha restoran itu mendakwa harga berkenaan adalah berpatutan memandangkan sotong yang digunakan dibeli pada harga RM35 hingga lebih RM40 sekilogram, malah harga di pasaran sentiasa berubah-ubah.

Susulan itu, PPDNHEP negeri mengeluarkan satu Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Anti-pencatutan (AKHAP) 2011 kepada pengusaha restoran itu bagi mendapatkan maklumat serta harga kos dan jualan bagi sotong goreng.

Menurut Mohd Ridzuan, pengusaha restoran tersebut diberikan tempoh sehingga hari ini untuk mengemukakan dokumen tambahan kepada pihaknya.

Siasatan harga sotong mahal belum selesai

GEORGE TOWN – Pengusaha Restoran Hameediyah di sini dikehendaki mengemukakan beberapa lagi maklumat tambahan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang susulan harga sotong RM100 di restoran berkenaan.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab Ghapar berkata, sebelum ini pengusaha restoran itu telah mengemukakan maklum balas Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) kepada pihaknya bagi membolehkan siasatan dijalankan.

"Mereka telah kemukakan maklum balas, kita telah semak dan meminta beberapa maklumat tambahan.

"Kita memerlukan maklumat tambahan ini bagi melengkapkan perkiraan sama ada berlaku pencatutan atau tidak," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, Restoran Hameediyah di Lebuh Campbell di sini yang merupakan antara restoran nasi kandar popular di negeri ini menjadi topik panas selepas resit hidangan dua ekor sotong berharga RM100 tular di media sosial.

Salinan resit berkenaan yang



KERATAN Kosmo! 25 November 2021.

menunjukkan harga bagi dua ekor sotong goreng berharga RM100, manakala sepiring nasi beriani kosong berharga RM4.50, nasi putih (RM1.50), dua biji telur masin (RM2), papadom (RM3) dan timun (RM2) menjadi perdebatan ramai yang menganggap harga berkenaan amat melampau.

Pengusaha restoran mendakwa, harga berkenaan adalah berpatutan memandangkan sotong yang digunakan dibeli pada harga RM35 hingga lebih RM40 sekilogram, malah harga di pasaran sentiasa berubah-ubah.

Susulan itu, KPDNHEP mengeluarkan satu Notis Pengesahan Maklumat Barang di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 kepada pengusaha restoran itu bagi mendapatkan maklumat serta harga kos dan jualan bagi sotong goreng.

Jual kailan ikan masin RM18: Peniaga diberi notis

GEORGETOWN: Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengeluarkan Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) kepada peniaga sebuah restoran di negeri ini susulan tular hidangan kailan ikan masin pada harga RM18.

KPDNHEP Pulau Pinang dalam satu kenyataan memaklumkan, peniaga restoran itu perlu memberi maklum balas terhadap notis terbabit dalam tempoh dua hari bekerja.

"Pegawai penguat kuasa hadir ke lapangan untuk menyiasat aduan yang diterima berhubung perkara ini pada hari sama melalui aduan pengguna.

"Satu NPMB bagi kailan ikan masin berharga RM18 telah diberikan kepada peniaga dan peniaga perlu memberi maklum balas dalam tempoh dua hari bekerja," katanya.

Selepas digemparkan dengan sotong berharga RM100 di Pulau Pinang, semalam pengguna media sosial dikejutkan pula dengan harga sebungkus masakan sayur kailan ikan masin RM18 yang disifatkan terlalu mahal dan tidak masuk akal.

Perkara itu tular dalam media sosial Facebook semalam, selepas resit bayaran beserta gambar menu berkenaan dikongsi oleh individu dipercayai pelanggan di sebuah restoran yang didakwa di Kepala Batas, dekat sini.

Menerusi hantaran di media sosial itu, pelanggan berkenaan berkata dia sedia maklum dengan kenaikan harga barang mentah dan reda dengan harga ikan jenahak, sayur campur, ulam dan sambal yang dibelinya di sebuah restoran di kawasan Kepala Batas, di sini.

Harga sebungkus kailan ikan masin untuk seorang makan pada harga RM18 dianggap terlalu mahal.

Kos keseluruhan makanan yang dibeli pelanggan berkenaan adalah berjumlah RM122 namun dia tidak mendedahkan nama restoran berkenaan.

Restoran kailan ikan masin diberi masa dua hari buat penjelasan

SEBERANG PERAI – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang memberitahpuan dua hari kepada peniaga sebuah restoran di Kepala Batas di sini yang didakwa menjual kailan ikan masin pada harga RM18 sebungkus.

KPDNHEP negeri dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah bertemu dengan pemilik restoran itu susulan aduan berhubung harga hidangan yang terlalu mahal dan tidak setara kuantiti yang diberikan.

"Satu Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) diberikan kepada pemilik restoran dan peniaga perlu memberi maklum balas berhubung harga itu dalam tempoh dua hari bekerja sebelum sebarang tindakan lanjut diambil," kata kenyataan semalam.

Kelmarin tular seorang pelanggan terkejut apabila telah membeli sebungkus kailan ikan masin bagi seorang makan yang berharga RM18 di sebuah restoran di Kepala Batas.



KAILAN ikan masin yang berharga RM18 menjadi tular kelmarin.



KERATAN Kosmo! semalam.

Dalam pada itu, peniaga kailan ikan masin itu tampil menjelaskan bahawa isu tular itu berlaku kerana salah faham sahaja.

"Insiden itu kerana tukang masak silap memasak pesanan hidangan yang dipesan pelanggan itu saiz L kepada S serta dikenakan bayaran saiz dipesan," tulisnya di laman sosial Facebook.

HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 16

KAILAN IKAN MASIN RM18

Peniaga diberi notis

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengeluarkan Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) terhadap seorang peniaga di sebuah restoran di sini berkaitan penjualan masakan kailan ikan masin pada harga RM18.

Pejabat KPDNHEP dalam satu kenyataan ringkas memaklumkan pegawai penguat kuasa agensi itu sudah melakukan siasatan di restoran terbabit selepas memperoleh maklumat mengenai premis berkenaan.

"Pegawai penguat kuasa


KPDNHEP sudah turun ke lapangan untuk menyiasat aduan pengguna berkaitan 'harga terlalu mahal tidak setara kuantiti yang diberikan' pada hari yang sama ia tular di media sosial.

"Satu NPMB bagi makanan kailan ikan masin berharga RM18 sudah diberikan kepada peniaga berkenaan dan peniaga itu perlu memberi maklum balas dalam tempoh dua hari bekerja," katanya.

Kelmarin, tular di media sosial satu hantaran serta resit memaparkan harga keseluruhan makanan yang dimuat naik seorang pelanggan restoran itu.

Dalam hantaran itu, individu terbabit terkejut apabila sebungkus kailan ikan masin dijual pada harga RM18.

HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 3



HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 27

Pemilik restoran tampil beri penjelasan

Berhubung isu sayur kailan ikan masin yang dijual tidak setara dengan kuantiti

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHMAN

KEPALA BATAS

Pemilik restoran Anjung Ikan Bakar Nory di sini tampil menjelaskan isu sayur kailan ikan masin yang dikatakan dengan harga tidak setara dengan kuantiti.

Menerusi laman Facebook restoran berkenaan, insiden berkenaan mungkin berlaku akibat salah faham yang tidak disengajakan daripada pihak restoran sewaktu menyediakan hidangan pelanggan.

Menjelaskan mengenai perkara itu, pihak restoran memaklumkan harga masakan kailan ikan masin mengikut saiz iaitu S berharga RM6, M (RM12) dan L (RM18) dengan memaparkan

gambar menu restoran.

"Mungkin ada kesilapan yang tak disengajakan daripada pihak kami. Harap perkara itu tidak berlaku lagi.

"Kesilapan kami, mungkin juruwang kami tersilap memasukkan harga pesanan hidangan bersaiz besar (L) ataupun mungkin pesanan dibuat bersaiz besar tetapi pekerja bahagian dapur telah menyediakan hidangan tersebut bersaiz kecil (berdasarkan gambar yang tular)," tulisnya.

Sementara itu, pemilik restoran terbabit berkata, pelanggan yang berdepan dengan isu tersebut sepatutnya tampil bertemu dengan mereka secara terus dan tidak memuat naik di laman media sosial sehingga menjadi tular.

"Jika pihak kami silap, boleh datang terus bertemu kami untuk menyelesaikan isu ini dan bukannya ditularkan," kata kenyataan itu.

Pada Ahad lalu, tular di media sosial harga sebungkus masakan sayur kailan ikan masin dijual pada harga RM18 di sebuah restoran di Kepala Batas di sini.

Perkongsian itu dibuat seorang pe-

langgan di media sosial yang mendakwa harga masakan bagi seorang makan yang dibelinya itu terlalu mahal.

Pelanggan berkenaan memuat naik gambar sayur kailan ikan masin yang dibeli berserta resit pembayaran yang memaparkan harga RM18 bagi sebungkus sayur tersebut.

Perkongsian pelanggan terbabit mendapat perhatian ramai sehingga tular di laman sosial yang rata-rata mendakwa harga tersebut mahal.

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang telah mengeluarkan satu Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) kepada peniaga sebuah restoran berhubung hantaran di media sosial mengenai hidangan kajilan ikan.

Dalam kenyataan pada Isnin, KPDNHEP Pulau Pinang dilaporkan berkata, peniaga itu perlu memberi maklum balas bethubung NPMB dalam tempoh dua hari bekerja bagi membolehkan pihaknya menjalankan siasatan lanjut.



Kenyataan yang dikeluarkan pemilik restoran Anjung Ikan Bakar Nory berhubung isu berkenaan.

HARI :	SELASA
TARIKH :	30/11/2021
M/SURAT :	5

Restaurant issued notice for pricey dish

KEPALA BATAS: The Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has issued a goods information verification notice to the owner of a restaurant over a post on social media on a salted fish Chinese broccoli dish, which was sold at RM18.

According to a statement from the ministry, the trader has two days to respond to the notice before investigations are conducted.

"The Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry received information on an issue that went viral (on social media) concerning the sale of a salted fish Chinese broccoli dish being sold at a restaurant for RM18 (a plate).

"The information was sent by a customer via social media, who said the price of the dish was exorbitant.

"Our enforcement team went to the restaurant to check on the complaint yesterday and issued a notice to the owner, who has two days to respond," the ministry stated yesterday.

A customer expressed shock on Sunday via Facebook after being charged RM18 for the dish.

The individual uploaded a receipt showing the total cost of the food, before it went viral.

According to the post, the total bill was RM122, but it did not reveal the name of the restaurant.

The bill showed the price of a snapper at RM90, salted fish Chinese broccoli dish at RM18, mixed vegetables for RM9, and a salad for RM5. - Bernama

HARI : SELASA
 TARikh : 30/11/2021
 M/SURAT : 21

Mangkuk tingkat eksklusif tembusi pasaran Qatar, UAE

Langkawi: Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) yang dilaksanakan kerajaan secara berterusan sepanjang tahun, membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan melonjakkan jenama produk mereka hingga ke luar negara.

Perkara itu diakui pengasas syarikat keusahawanan sosial, Jeiwa Global Resources Nor Fadilah Mohamed Nizar, 39, yang menghasilkan produk mangkuk tingkat eksklusif dan mendapat permintaan amat menggalakkan daripada pembeli dari Singapura, Brunei, Indonesia, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

"Kempen kerajaan seperti KBBM atau Program Jualan Malaysia (PJM) banyak membantu kami memperkenalkan produk terutama ketika mula beroperasi beberapa tahun lalu. Kini produk kami kian dikenali sama



ada di dalam maupun luar negara.

"Produk kami yang dikenali sebagai Tiffin Jeiwa turut terpilih untuk dipamerkan di Expo Dubai 2020 dan ia pencapaian terbaik syarikat kami setakat ini. Terima kasih kepada pelbagai agensi kerajaan yang membantu kami untuk sampai ke tahap ini," katanya.

Beliau juga mencadangkan kempen itu diperluaskan dan program jualan produk tempatan dilaksanakan dengan lebih kerap di lokasi strategik tumpuan pelancong agar IKS tempatan dapat mempromosi ser-

ta memperluaskan lagi pasarannya produk mereka.

Nor Fadilah yang juga pengasas dan presiden pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pengmasukan Wanita Intelektual Johor (Jeiwa) berkata, Jeiwa Global Resources ditubuhkan pada 2017 dengan menghasilkan produk berasaskan kraf tangan dan pada masa sama membantu golongan wanita menjana pendapatan.

"Kami menjual mangkuk tingkat yang dihiasi lukisan tangan pada 2018 dan golongan wanita boleh menyertai kami sebagai ejen jualan atau permasaran bagi meraih pendapatan," katanya.

Beliau berkata, syarikatnya mendapat kerjasama pelbagai agensi kerajaan termasuk Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia),



NOR FADILAH menunjukkan produk mangkuk tingkat eksklusif yang dipamerkan pada Karnival Kempen Beli Barang Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021.

Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kami juga bekerjasama

dengan beberapa rakan strategik tempatan untuk menempatkan produk di premis mereka sama ada untuk dijual atau dijadikan hiasan. Terdapat beberapa hotel yang menggunakan produk kami sebagai hiasan," katanya yang memberitahu menerima tempahan sekitar 1,000 unit Tiffin Jeiwa setiap bulan.

Cabaran bekalan makanan negara



VANGUARD

MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

Pada Mac 2001, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan atau MKMPK.

Tujuan penubuhan MKMPK adalah untuk memastikan kesihatan rakyat terjamin dengan memperkuuhkan keselamatan makanan di semua peringkat rantai makanan di Malaysia dan memastikan rakyat mencapai taraf pemakanan optimum.

Majlis itu dianggotai oleh 50 orang Ahli Majlis terdiri daripada pegawai-pejawat tertinggi beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Senarai tersebut nampak gah di atas kertas, namun apa yang berlaku terhadap situasi bekalan makanan di Malaysia seakan tidak pernah berubah, malah hari ini tidak keberlauan dikatakan ia semakin merosot.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada September lalu berkata, walaupun Malaysia jatuh dari tangga 28 ke-44 da-

lam senarai Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI), ia masih lebih baik berbanding Thailand, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Filipina dan India.

Beliau menjelaskan perubahan keadaan Malaysia pada 2019 adalah kerana pelarasan semula dibuat Unit Perisikan Ekonomi (EIU) global. Beliau menambah bahawa Singapura juga telah berubah dari tangga pertama ke tangga 20 dan Australia dari tangga ke-12 ke tangga 26.

Jawapan sedemikian mengingatkan kita mengenai jawapan murid yang takut dirotan bapanya kerana keputusan periksa rendah dan membandingkannya dengan murid-murid lain yang tidak pandai atau mendapat markah lebih rendah agar markahnya kelihatan ‘tinggi’ walaupun hakikatnya dia juga gagal.

Mengapa tidak kita bandingkan sahaja keputusan kita dan Singapura dengan Finland yang naik lima tangga ke tempat pertama atau Belanda, Austria, Republik Czech, Itali dan Kanada yang kesemuanya memperbaiki peningkatan, walhal mereka juga terkesan dengan perlarasan baharu yang sama oleh EIU.

Pada 2020, kedengaran laungan daripada pembangkang agar satu majlis yang diberi nama Majlis Keselamatan Makanan ditubuhkan untuk bersedia menghadapi kemungkinan berlaku kekurangan

bekalan makanan dalam negara.

Tercetusnya pandemik dan perubahan cuaca tidak mententu secara global menyebabkan keimbangan terhadap kemampuan bekalan import. Perkara tersebut diperakui kerajaan ketika itu dan melalui National Security Strategy Center (NASTRAC) yang bernaung di bawah Majlis Keselamatan Negara telah menghasilkan dokumen Dasar keselamatan negara 2021-2025 yang turut menyentuh perihal keselamatan makanan.

Perkara 40 di bawah tajuk Isu, ‘Cabaran & Ancaman Keselamatan Negara’ menegaskan kegagalan dalam pengurusan sumber makanan melibatkan kesemua komponen dalam rantaian makanan termasuk kesediaan, kestabilan dan kebolehdaptan makanan akan mewujudkan persaingan terhadap sumber makanan serta mewujudkan kebergantungan tinggi kepada sumber luar.

Apakah dokumen itu masih terpakai setelah berlaku peralihan kuasa tidak dapat ditentukan, namun November menyaksikan pergolakan cukup dahsyat mengenai kelemahan bekalan makanan negara.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terpaksa meminta sebuah firma pengeluar roti untuk menangguhkan kenaikan harga walaupun ia hanya peningkatan 10 sen. Beliau juga

menjelaskan masalah kekurangan miyak masak akan diselesaikan setelah mendapat suntikan dana daripada Kementerian Kewangan.

Sebelum ini akibat bayaran kepada repacker (pengilang pek semula) lambat menyebabkan pengilang bermasalah aliran tunai hampir menutup kilang.

Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula memaklumkan bekalan sayur-sayuran di pasaran berkurangan serta berlaku kerosakan sayur-sayuran milik petani di Cameron Highlands.

Musim tengkujuh telah menjelaskan antara 20 hingga 30 peratus bekalan sayur-sayuran, kata Pengurus Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia. Harga bagi beberapa sayur kegemaran rakyat Malaysia seperti sawi, bayam, kangkung dan kailan menunjukkan peningkatan antara 20 hingga 100 peratus.

Musim tengkujuh dan laut bergelora juga telah menjelaskan sekurang-kurangnya 50 peratus bekalan ikan, kata Pengurus Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara (KTU) yang menyebabkan terdapat kenaikan antara RM2 dan RM3 sekilogram.

* Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertahanan dan pernah menerima anugerah Wortawan Terbaik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007

Kerajaan perlukekang kenaikan harga barang

Ahmad
Firdaus,
Hulu Bernam

Di sana sini sudah mula kedengaran mengenai harga barang yang dijangka akan naik. Misalnya, pengumuman kenaikan nilai sayur-sayuran dan pelbagai keperluan makanan.

Perkataan 'Barang Naik' yang sebelum ini sering disensasikan sebagai 'BN' sangat sensitif kepada sesiapa pun kerana ia membabitkan kehidupan seharian. Barang naik ini tentunya bola tanggung yang dinanti-nantikan oleh ahli politik sebagai modal terkini untuk 'meratib' setiap hari sehingga akan dibawa ke mana-mana Pilihan Raya Negeri (PRN) mahupun Pilihan Raya Umum (PRU) nanti. Ia adalah senjata ampuh untuk dijadai kepada rakyat yang menjadi kuasa besar menentukan berdirinya sebuah kerajaan.

Pendek kata, ia membolehkan sebuah kerajaan menjadi tidak popular sekiranya masih berterus galah mengekang kenaikan harga barang.

Jika dulu, pengumuman harga minyak setiap minggu sentiasa dinantikan rakyat kerana ia menentukan corak perbelanjaan mereka dalam menggunakan petrol. Namun demikian, sejak harga minyak khasnya RON95 yang hampir statik tanpa perubahan besar menyebabkan rakyat sudah tidak begitu kisah mengenainya kerana ia kurang mengganggu kehidupan mereka.



Kerajaan perlu segera bertindak menangani kenaikan harga barang bagi mengelak membebani pengguna.
(Foto hiasan)

Bagaimanapun, ada juga kedengaran rasa tidak puas hati dalam kalangan pengguna petrol RON97 yang mana harganya sudah mula naik walaupun pengguna minyak berkenaan adalah pemilik kereta mewah.

Di Hulu Bernam ini contohnya, sebuah gerai tepi jalan sudah menaikkan harga nasi lemak daripada RM1.30 ke RM1.40 walaupun kandungan isi dalamnya masih sama. Perubahan harga itu tentunya berpunca daripada kenaikan harga barang dalam pembuatan nasi lemak.

Nasi lemak di jalanan umumnya pada tahun 2020 hanya berharga RM1.20 tetapi harganya mula naik selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dibubar. Mungkin, selepas lama tidak bermiaga, harga dinaikkan. Namun kenaikan harga nasi lemak dalam masa dua tahun ini tentunya memberi impak kepada rakyat jelata yang ingin mencari nasi lemak 'marchaen'.

Memang kita tidak dapat naflikan semua ini adalah kesan rantai yang dibuat oleh rakyat sendiri pada PRU lalu dalam memilih kerajaan dan mereka perlu menerima hakikat kesilapan itu. Namun, sebagai kerajaan prihatin rakyat, pemimpin sedia ada perlu berusaha keras dan bijak untuk mengekang kenaikan harga walaupun apa cara sekalipun supaya dilihat sebagai jaguh atau hero dalam membela rakyat sesuai dengan frasa 'Keluarga Malaysia'.

No new ceiling price for self-test kits for now

THERE are no plans at the moment to set a new ceiling price for Covid-19 self-test kits, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

"This is because there are still some 17 million kits in stock and the authorities will allow market forces to determine their prices.

"We are concerned that if we fix the ceiling price, there will be manipulation and the self-test kits may be sold at a maximum price for profit," Deputy Minister Datuk Rosol Wahid told Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol).

The government had set the maximum retail price for self-test kits at RM19.90 per unit and the wholesale price at RM16 per unit effective Sept 5.

Previously, Covid-19 self-test kits that had received conditional approval from the Medical Device Authority were sold at selected clinics and pharmacies for about RM40 each.

Mohd Salim commended the government's efforts in fixing the ceiling price of self-test kits at RM19.90.

"There are self-test kits that are now being sold at RM4.90 or 87.7% lower than the ceiling price of RM39.90.

"I hope that suppliers and importers will be able to lower the prices further as the kits are widely used by the general public," said Rosol.

He reminded consumers who purchase self-test kits online to buy from suppliers who display their company registration details.

He also urged those who claimed to have been cheated to report the matter to the ministry.

He was responding to Mohd Salim's question on the proliferation of self-test kits being offered online.

He said some of the self-test kits offered online were either not approved or not recognised by the ministry.



HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 1

BANDING HARGA DULU BARU BELI



baya telur ayam
nasi goreng ayam

PriceCatcher®

GET IT ON Google Play

Download on the App Store

f @kpdnhep KPDKHEP TV



Bekas pengawai KPDNHEP menangis teresak-esak selepas didenda RM4,000

'Saya harap kamu boleh bertaubat'

Oleh NORHAYATI YAHAYA

SHAH ALAM – Seorang peniaga online hanya mampu menangis teresak-esak di hadapan hakim semalam menjatuhkan hukuman terhadapnya atasnya atas kesalahan menyamar sebagai pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan menipu pemilik syarikat pembekalan gas lapan tahun lalu.

Tertuduh, Aidil Akram Harun, 38, yang mengaku salah melakukan perbuatan itu dihukum penjara sehari dan denda RM4,000 selepas pertuduhan pilhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Aidil Akram yang sebelum ini telah dibuang kerja dari KPDNHEP atas tindakan taterib turut diperintahkan menjalani tambahan penjara dua bulan sekiranya gagal membayar denda itu. Tertuduh membayar denda tersebut.

Rozilah dalam penghakimannya menegaskan, hukuman penjara perlu dikenakan memandangkan kesalahan dilakukan tertuduh sangat serius.

"Selepas ini, kamu berazam



AIDIL AKRAM didenda RM4,000 dan penjara sehari di Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam selepas menyamar pegawai KPDNHEP dengan menipu pemilik syarikat pembekalan gas pada tahun 2013.

untuk tidak buat apa-apa lagi kesalahan. Saya harap kamu bertaubat, jadikan ikhtiar dan bina kehidupan yang baharu,"

kata Rozilah.

Mengikut pertuduhan, Aidil Akram bersama seorang pemilik syarikat pembekalan gas ke rumah, kedai dan

menyamar sebagai pegawai KPDNHEP untuk menipu seorang pemilik syarikat pembekalan gas ke rumah, kedai dan

kilang untuk menyerahkan wang tunai RM3,000 di sebuah stesen minyak di Seksyen 7, Kota Damansara, Petaling Jaya pada 6 April 2013.

Bapa kepada tiga cahaya mata itu didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 419 Kanun Keseksian yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedu-duanya sekali.

Aidil Akram yang tidak diwakili peguam dalam rayuananya memohon hukuman denda yang rendah memandangkan hanya membawa wang sebanyak RM5,000 semalam.

Dia yang menetap di Machang, Kelantan kini menjaga bapanya yang menghidap penyakit buah pinggang tahap lima selain menyara isteri dan tiga anaknya.

"Saya merayu Puan, jangan bagi hukuman penjara. Tolonglah Puan. Saya menyesal sangat," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Fadhliz Ab. Wahab bagaimanapun memohon hukuman setimpal mengambil kira kepentingan * awam melebihi kepentingan tertuduh.

HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 15

Dipenjara sehari menyamar pegawai KPDNHEP

SHAH ALAM - Padah menyamar sebagai pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), seorang lelaki dipenjara sehari dan denda RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin.

Tertuduh, Aidil Akram Harun, 38, yang bekerja di kampung dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dibaca juruhasa terhadapnya di hadapan Hakim Rozilah Saleh.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara dua bulan jika gagal


membayar denda.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa bersama-sama seorang yang masih bebas, menipu seorang lelaki berusia 47 tahun, dengan cara samaran supaya mangsa mempercayai tertuduh adalah pegawai KPDNHEP.

Tertuduh dengan curang mendorong mangsa menyerahkan wang berjumlah RM3,000 yang mana beliau tidak akan menyerahkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan. Kesalahan dilakukan di sebuah stesen minyak di Seksyen 7, Kota Damansara pada 6 April 2013 lalu.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : SELASA
TARIKH : 30/11/2021
M/SURAT : 16

	Ayam RM7.99	Telur Gred A RM12.30	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM11.99
Senarai Harga Barang Kepakuan	Daging Lembu Tempatan RM35	Ikan Kembung RM7.99	Bawang Besar Holland RM2.99	Kubis Bulat Tempatan RM4.99
	Daging Lembu Import RM15.50	Minyak Masak RM6.40	Bawang Putih RM5.50	Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP